

GARIS PANDUAN KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN IKHTISAS PROFESIONAL / KEPAKARAN

PROJEK PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KEUSAHAWANAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan garis panduan kadar bayaran perkhidmatan ikhtisas profesional / kepakaran bagi projek penyelidikan, inovasi dan keusahawanan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dibuat adalah bagi menetapkan satu peraturan dan kadar bagi permohonan pembayaran yang bukan terdiri daripada Pegawai Penyelidik (RO), Pembantu Penyelidik (RA), Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan Enumerator.
- 1.2 Garis Panduan Kadar Bayaran Perkhidmatan Ikhtisas Profesional / Kepakaran Bagi Projek Penyelidikan, Inovasi Dan Keusahawanan ini telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Bil.2/2022 yang bersidang pada 10 Mei 2022.

2.0 DEFINISI

- 2.1 Definisi:

“Perkhidmatan ikhtisas professional” meliputi perkhidmatan yang memerlukan tahap latihan, pengetahuan khusus dan kemahiran yang tinggi.

“Kepakaran” ialah keupayaan, pengalaman atau pengetahuan seseorang individu dalam sesuatu bidang.

3.0 PANDUAN

- 3.1 Kadar bayaran adalah seperti di Jadual 1.

- 3.2 Ketua Penyelidik perlu mengemukakan permohonan beserta dokumen sokongan (sebut harga yang berkaitan, inbois, surat akuan harga dan sebagainya) dan perincian aktiviti yang dilakukan kepada Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) selepas perkhidmatan dilakukan. Permohonan pembayaran adalah merujuk kepada pekeliling semasa dan tatacara kewangan daripada Pihak Bendahari.
- 3.3 Bagi perkhidmatan yang dibuat oleh individu, penyelidik perlu **melampirkan bukti perkhidmatan ikhtisas profesional yang dimiliki individu berkenaan** dan **Surat Lantikan** dengan menyatakan jumlah bayaran yang dipersetujui. Surat Lantikan mestilah dikeluarkan dan ditandatangani oleh Dekan / Pengarah / Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) fakulti berkenaan dan mempunyai kepala surat fakulti / ptj. Permohonan pembayaran boleh dibuat menggunakan Borang Permohonan Pembayaran Honorarium.
- 3.4 Jumlah pembayaran perkhidmatan ikhtisas profesional adalah mengikut kadar pada Jadual 1 dan cadangan yang dikemukakan dalam kertas cadangan penyelidikan asal atau kertas kerja yang diluluskan oleh RMIC. Perkhidmatan yang diberikan mestilah berdasarkan aktiviti penyelidikan yang sedang dijalankan atau aktiviti boleh membantu dalam penyelidikan tersebut.
- 3.5 Bayaran perkhidmatan ikhtisas profesional bagi projek penyelidikan, inovasi dan keusahawanan mestilah dibuat dalam tempoh **30 hari** selepas perkhidmatan selesai dijalankan (dalam tahun semasa mengikut Pekeliling Penutupan Akaun Universiti yang berkuatkuasa).
- 3.6 Pembayaran kepada staf UMK hanya dibolehkan sekiranya pelaksanaan dilakukan selepas waktu bekerja termasuk cuti umum. Pegawai yang menjalankan perkhidmatan juga perlu mematuhi Garis Panduan Melaksanakan Pekerjaan Luar Universiti Malaysia Kelantan yang berkuatkuasa.
- 3.7 Sekiranya mana-mana perkhidmatan yang dilaksanakan selain daripada yang dinyatakan dalam Jadual 1, Ketua Penyelidik hendaklah mendapatkan kelulusan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) terlebih dahulu sebelum perkhidmatan dilaksanakan.

JADUAL 1

**KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN IKHTISAS PROFESIONAL / KEPAKARAN
PROJEK PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KEUSAHAWANAN**

BIL	KATEGORI	JENIS KERJA	KADAR (RM)	DOKUMEN SOKONGAN	
1	Kerja-kerja Penggambaran	-Pengarah -Penyunting -Penolong Pengarah -Pelakon Utama Jururakam	120-150 /adegan 100-120 /adegan 80-100 /adegan 70-100 /adegan 50-100 / adegan	Salinan sijil berkaitan perkhidmatan ikhtisas profesional	
2	Kerja-kerja Pemetaan	-Menggrid, mengukur, mendigit peta -Mendigit dan menganalisa gunatana	200-250 sehari 50-100 /jam		
3	Pemantauan	-Sukat bacaan suhu/ cuaca -Populasi dan ekosistem haiwan -Mengenalpasti jenis hidupan (pokok, haiwan, serangga & tanah)	25-50 /hari 25-50 /jam		
4	Kerja-kerja Makmal dan Bengkel	-Pengelasan bahan kimia -Potong Kayu -Pembinaan alatan teknologi -Pemprosesan sampel -Panganalisaan sampel -Penentuan sampel	72—100 sehari Max RM30 / sampel		
5	Kerja-kerja ICT	-Membangunkan web -Membangunkan blog -Menyelenggara web atau blog -Pemasangan alatan ICT -Rekabentuk poster -Rekabentuk montaj	2000-4000 (pakej) 500-1000 (pakej) 25-50 /hari 2000-4000 (pakej) 50-80 / poster 50-80 / montaj		

6	Kerja-kerja Terjemahan	<ul style="list-style-type: none"> -Teknikal (manuskrip/tesis/abstrak) -Teks Biasa (Penulisan umum) -Sijil/ gambarajah /brosur /borang /soal selidik dan lain-lain -Kejurubahasaan (seminar, perbicaraan di mahkamah) -Pengacaraan majlis 	<ul style="list-style-type: none"> 30 sen / perkataan 25 sen / perkataan RM50-80 / muka surat (Bergantung kesukaran teks) RM250 /jam RM150 /jam 	
7	Kerja-kerja Suntingan	<ul style="list-style-type: none"> -Teknikal (manuskrip/tesis/abstrak) -Teks Biasa (Penulisan umum) -Sijil/ gambarajah /brosur /borang /soal selidik dan lain-lain 	<ul style="list-style-type: none"> 20 sen / perkataan 15 sen / perkataan RM30-60 / muka surat (Bergantung kesukaran teks) 	

* Kadar bayaran ini adalah sebagai rujukan untuk setiap perkhidmatan yang dilakukan namun bergantung kepada dana projek dan berdasarkan kelayakan (Sijil).

* Sekiranya mana-mana perkhidmatan yang dilaksanakan selain daripada yang dinyatakan dalam Jadual 1, Ketua Penyelidik hendaklah mendapatkan kelulusan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) terlebih dahulu sebelum perkhidmatan dilaksanakan.